

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98**

September 1997

HZZ 218 - Apresiasi Muzik Barat

Masa: [3 jam]

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI LIMA (5) SOALAN DI DALAM DUA (2) HALAMAN.

Jawab tiga (3) soalan.

1. Bincangkan perkembangan muzik Barat selepas tahun 1945. Nyatakan inovasi baru, aliran muzikal *avant garde* dan pengaruh-pengaruh yang mengakibatkan penimbulan stail pada tahun-tahun tersebut.
2. Bincangkan perkembangan muzik piano solo dalam zaman Romantik. Tumpukan perbincangan anda kepada aspek-aspek tekstur, genera dan teknik bermain.
3. Beethoven adalah seorang komponis yang telah banyak menyumbang kepada perkembangan dan sejarah muzik Barat. Bincangkan stail komposisi beliau dan bagaimana stail beliau telah mempengaruhi komponis-komponis yang seterusnya. Sokongkan jawapan anda dengan merujuk kepada komposisi berkenaan.

.../2-

4. Sebagai komponis impressionisme, Debussy telah mempamerkan stail muzik yang berpengaruh kuat terutamanya kepada komponis abad ke-20 yang kemudiari. Bincangkan keistimewaan beliau dari segi muzikal dan gunakan contoh muzik yang bersesuaian untuk menyokong jawapan anda.

5. Tidak boleh dinafikan bahawa J.S.Bach dan Handel adalah komponis yang teragung pada lewat zaman Barok. Bandingkan stail komposisi kedua komponis ini dan berikan contoh bersesuaian untuk menyokong perbincangan anda.

-oooOOOooo-